



کمترین حال احوال دالن خری
KEMENTERIAN HAL EH WAL DALAM NEGERI

**PELAKSANAAN PELAN *DE-ESCALATION* FASA KEEMPAT BAGI TAMU
MINGGUAN KOMPLEKS PASARNEKA DAN TAMU TUTONG, DAERAH
TUTONG BERMULA 27 JULAI 2020**

1. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sukacita memaklumkan bahawa berpandukan kepada nasihat Kementerian Kesihatan mengenai dengan langkah-langkah pelaksanaan pelan *de-escalation*, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri akan melaksanakan pelan ***de-escalation fasa keempat bermula hari Isnin, 27 Julai 2020***, bagi Tamu Mingguan Kompleks Pasarneka dan Tamu Tutong, Daerah Tutong.
2. Tamu Mingguan Kompleks Pasarneka dan Tamu Tutong, Daerah Tutong hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut:-

BAGI PENJAJA TAMU MINGGUAN:

- 2.1 Tamu Mingguan adalah dibenarkan untuk beroperasi sebagaimana kelaziman sediakala;
- 2.2 Penjaja Tamu Mingguan hendaklah mengisikan kedatangan / kehadiran di dalam buku catatan yang disediakan;
- 2.3 Penjaja Tamu Mingguan hendaklah juga mengimbas QR Kod Aplikasi Bruhealth;
- 2.4 Penjaja Tamu Mingguan mestilah memastikan diri dan pembantu mereka untuk sentiasa memakai penutup hidung dan mulut (*face mask*);
- 2.5 Penjaja Tamu Mingguan yang tidak sihat adalah dinasihatkan untuk tidak hadir berniaga;
- 2.6 Penjaja Tamu Mingguan dikehendaki untuk memastikan kebersihan petak.

2.7 Mana-mana penjaja Tamu Mingguan yang didapati tidak mematuhi syarat-syarat yang disebutkan tadi, adalah boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204.

2.8 Penjaja-penjaja Tamu Mingguan adalah dipohonkan untuk memberikan kerjasama untuk mematuhi arahan-arahan yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan dari semasa ke semasa.

BAGI PENGUNJUNG TAMU MINGGUAN:

2.9 Para pengunjung hendaklah mempunyai kod yang diperolehi melalui aplikasi Bruhealth sebelum mengunjungi tamu-tamu mingguan yang ingin dituju.

2.10 Para pengunjung hendaklah mengimbas QR Kod Aplikasi Bruhealth di tempat- tempat masuk dan keluar yang ditetapkan dan hanya pelanggan yang mempunyai kod warna yang betul iaitu hijau atau kuning akan dibenarkan masuk ke premis;

2.11 Memastikan penjarakan sosial;

2.12 Orang ramai yang mempunyai tanda-tanda jangkitan / tidak sehat adalah dinasihatkan untuk tidak mengunjungi Tamu Mingguan sehingga telah sembah/sehat; dan

2.13 Meletakkan kereta di kawasan letak kereta yang dibenarkan sahaja.

-TAMAT-

**Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri
Negara Brunei Darussalam**

01 Zulhijah 1441H / 22 Julai 2020M